

SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1991

PENGEKALAN KUASA-KUASA YANG TELAH DISERAHKAN DARIPADA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH DAN SARAWAK KEPADA PIHAK-PIHAK BERKUASA PERSEKUTUAN DI KUALA LUMPUR, KUCHING DAN KOTA KINABALU

TUJUAN

1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai pengekalan tugas-tugas dan tanggungjawab serta kuasa-kuasa yang telah diturunkan kepada Pegawai-pegawai lain di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu semasa pemansuhan jawatan-jawatan Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak di bawah Surat Pekeliling Am Bil. 9/1982 dan Surat Pekeliling Am Bil. 5/1982.

LATARBELAKANG

2. Jawatan Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak sebelum ini telah dimansuhkan iaitu pada 1 Mac 1982 bagi Setiausaha Persekutuan Sabah dan 1 Jun 1982 bagi Setiausaha Persekutuan Sarawak. Dua Surat Pekeliling Am telah dikeluarkan untuk memberitahu mengenai pemansuhan jawatan-jawatan tersebut seperti yang dinyatakan diperenggan 1 di atas.

3. Sewaktu pemansuhan jawatan-jawatan tersebut beberapa tugas dan tanggungjawab tertentu telah dipindahkan kepada beberapa pihak berkuasa Persekutuan yang lain di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu. Tugas-tugas dan tanggungjawab yang telah dipindahkan adalah seperti berikut:-

3.1 **Kuasa Undang-Undang**

Kuasa Undang-Undang yang diperwakilkan kepada Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak oleh beberapa Y.B. Menteri-Menteri Persekutuan yang tertentu telah diserahkan balik kepada Kementerian-Kementerian berkenaan.

3.2 **Tugas-Tugas Pentadbiran**

Tugas-tugas berkaitan dengan penyelarasan pembinaan, penyelenggaraan bangunan-bangunan Persekutuan (gunasama), penyewaan ruang pejabat bagi Jabatan-Jabatan Persekutuan dan perkara perumahan Kerajaan diserahkan kepada Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah dan Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak.

3.3 **Isu Perkhidmatan**

Kuasa-kuasa tertentu dalam perkara-perkara perkhidmatan adalah diserahkan kepada Pegawai Perjawatan Persekutuan, Sabah dan Pegawai Perjawatan Sarawak.

PERWUJUDAN SEMULA JAWATAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH DAN SARAWAK

4. Mulai 1 Mei 1990 jawatan Setiausaha Persekutuan Sabah dan jawatan Setiausaha Persekutuan Sarawak telah diwujudkan semula. Peranan dan tanggungjawab Setiausaha-Setiausaha Persekutuan tersebut adalah seperti yang dinyatakan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 4/1990.

PEMBATALAN PEMINDAHAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

5. Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 1990 ini telah membatalkan Surat-Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 1982 dan Bil. 9 Tahun 1982. Dengan pembatalan ini kuasa-kuasa yang dinyatakan diperenggan 3 di atas yang telah dipindahkan kepada pihak-pihak berkuasa Persekutuan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu di bawah Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 1982 dan Bil. 9 Tahun 1982 turut juga terbatal, sedangkan kuasa-kuasa tersebut perlu dikekalkan.

PENGUATKUASAAN

6. Melalui Surat Pekeliling ini, adalah diputuskan bahawa tugas-tugas dan tanggungjawab Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak yang telah dipindahkan kepada beberapa pihak berkuasa Persekutuan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu sepertimana yang telah ditetapkan diperenggan 3(3.1) dan 3(3.2) Surat-surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 1982 dan Bil. 9 Tahun 1982 adalah tidak terlibat dengan pembatalan sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am. Bil. 4 Tahun 1990. Walau bagaimanapun mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab diperenggan 3(3.3) pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat ketetapan melalui suratnya bil.JPA(S)253/2/50-20 Klt.4/(21) bertarikh 17 April 1989. Ketetapan ini adalah terus dipakai.

TARIKH BERKUATKUASA

7. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 1990.

(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)

Ketua Setiausaha Negara